

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
SKIM TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR, UKM
(PINDAAN TAHUN 2016)

1. NAMA

Skim ini dinamakan sebagai SKIM TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

2. TUJUAN

Tujuan tabung ini diadakan ialah untuk memastikan supaya sumber kewangan sentiasa tersedia untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang ditimpa kemalangan secara langsung atau tidak langsung.

3. TAFSIRAN

Selaras dengan maksud tabung ini juga, iaitu untuk meringankan beban seseorang pelajar atau keluarganya yang ditimpa kematian atau kemalangan, sumbangan juga akan diberikan kepada ibu/bapa/penjaga pelajar-pelajar yang berkenaan, mengikut peruntukkan Tabung ini. Di dalam menimbangkan sesuatu kes yang layak mendapatkan bantuan Tabung Kebajikan ini, perhatian akan diberikan kepada perkara-perkara seperti latar belakang pelajar dan keluarganya, jarak rumah pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya.

4. BANTUAN-BANTUAN

Bantuan-bantuan skim ini adalah seperti berikut:-

4.1. Sumbangan untuk pelajar yang meninggal dunia

4.1.1 Meninggal dunia - RM 2,000.00

4.2. Sumbangan kerana kematian ibu/bapa/penjaga pelajar (diberikan maksimum 2 kali sepanjang tempoh pengajian Universiti).

4.2.1 Pelajar yang menuntut di Kampus Semenanjung Malaysia, yang kematian ibu/bapa/penjaga di Semenanjung akan diberi sumbangan sebanyak RM 500.00

4.2.2 Pelajar Sabah atau Sarawak yang menuntut di Kampus Semenanjung, kematian ibu/bapa/penjaganya di Sabah atau Sarawak akan diberikan sumbangan tambang kapal terbang pergi balik kelas ekonomi dan RM 500.00

4.3. Sumbangan kerana Kematian Suami/Isteri (seorang sahaja) dan Anak Pelajar (tanpa had)

4.3.1 Pelajar Semenanjung yang menuntut di Kampus Semenanjung Malaysia, kematian suami/isteri/anak di Semenanjung akan diberi sumbangan sebanyak RM 500.00

4.3.2 Pelajar Sabah atau Sarawak yang menuntut di Kampus Semenanjung, kematian suami/isteri/anak di Sabah atau Sarawak akan diberi sumbangan tambang kapal terbang pergi balik kelas ekonomi dan sumbangan RM 500.00

4.4. Sumbangan kerana Kematian Ahli Keluarga Pelajar (Abang/Kakak/Adik) Maksimum sekali sahaja kepada:-

4.4.1 Pelajar yang menuntut di Kampus Semenanjung, kematian ahli keluarga di Semenanjung akan diberi sumbangan sebanyak RM 300.00

4.4.2 Pelajar Sabah atau Sarawak yang menuntut di Semenanjung, kematian ahli keluarga di Sabah atau Sarawak akan diberi sumbangan tambang kapal terbang pergi balik kelas ekonomi dan sumbangan RM 300.00

5. RAWATAN DI HOSPITAL

5.1 Pelajar yang dirawat di hospital semasa cuti semester atau semasa semester akan mendapat sumbangan tabung ini sebanyak RM 100.00/malam. (*Bermalam di wad : maksima 5 hari sahaja*)

6. KES-KES KHAS

6.1 Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar (TKP) dengan budibicaranya boleh memberi pertimbangan untuk memberi sumbangan kepada pelajar akibat kejadian bencana alam atau kes-kes lain yang difikirkan perlu seperti kebakaran, banjir, kecurian, kemalangan penjaga pelajar, rawatan yang tidak ditanggung oleh Skim Kesihatan Pelajar dan sebagainya.

- 6.2 Jika satu-satu masa didapati kematian melibatkan dua ahli atau lebih keluarga, bantuan akan digandakan, tetapi tambang (kapal terbang kelas ekonomi pergi balik kelas ekonomi) hanya untuk seorang sahaja.
- 6.3 Pengerusi Jawatankuasa TKP dengan budibicaranya boleh mempertimbangkan untuk memberi sumbangan kepada pelajar yang memerlukan alat perubatan, alat bantuan hidup dan sebagainya yang telah diperakukan oleh pegawai perubatan (dokter) tidak melebihi RM 10,000.00 dan jika lebih hendaklah di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa TKP atau Mesyuarat Pengurusan Universiti
- 6.4 Pengerusi Jawatankuasa TKP dengan budibicaranya boleh mempertimbangkan untuk memberi sumbangan kepada pelajar yang memerlukan selain daripada yang dinyatakan di para 6.3 di atas dan diperakukan oleh Ketua Unit Kebajikan Pelajar atau mana-mana pegawai ditentukan Pengerusi Tabung Kebajikan Pelajar yang berkaitan tidak melebihi RM 10,000.00 dan jika lebih hendaklah di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa TKP atau Mesyuarat Pengurusan Universiti

7. PENTADBIRAN

Pentadbiran tabung ini diletakkan di bawah pentadbiran satu Jawatankuasa seperti berikut:-

- | | | |
|------------|---|---|
| Pengerusi | - | Timbalan Naib Canselor, HEPA. |
| Setiausaha | - | Ketua, Unit Kebajikan Pelajar atau mana-mana pegawai ditentukan oleh Pengerusi |
| Bendahari | - | Bendahari, UKM/Wakil |
| Ahli-Ahli | - | Ketua, Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) |
| | - | Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah/Wakil |
| | - | Ketua, Pusat Kesihatan , UKM |
| | - | Ketua, Pusat Khidmat Siswa |
| | - | Ketua, Unit Kaunseling, Pusat Khidmat Siswa |
| | - | Seorang wakil dari PMUKM |
| Kelulusan | - | Permohonan Tabung ini akan diluluskan setelah mendapat pengesahan Pengerusi dan dihantar ke Bendahari untuk proses pembayaran |

8. PERMOHONAN

- 8.1 Permohonan bagi mendapatkan bantuan ini boleh dibuat oleh waris pelajar atau kakitangan kolej/ Fakulti/Pusat bagi kes-kes kematian pelajar atau pelajar sendiri bagi kes-kes yang lainnya, dengan mengisikan 2 salinan borang yang boleh didapati di Unit Kebajikan Pelajar, Pusat Khidmat Siswa(PKS).
- 8.2 Semua permohonan yang dikemukakan oleh pelajar/wakilnya bagi kes-kes seperti perkara 4 hingga 6 di atas, hendaklah menyertakan bersama-sama borang yang telah disempurnakan salinan-salinan surat kematian, bil-bil rawatan perubatan, laporan polis, kad matrik, no. kad pengenalan dan salinan-salinan surat lain yang berkaitan.
- 8.3 Permohonan bagi perkara 4 hingga 5 di atas boleh diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar dengan budibicaranya dan dihantar ke Bendahari untuk proses pembayaran. Sementara itu bagi kes-kes dalam perkara 6, boleh diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar tetapi tidak melebihi RM 10,000.00. Sementara bagi kes-kes yang melibatkan kelulusan peruntukan melebihi RM 10,000.00 perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar atau Mesyuarat Pengurusan Universiti

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
RINGKASAN SKIM TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR (TKP), UKM
(PINDAAN TAHUN 2016)**

PERUNTUKAN	8/4/1997	14/7/2010	20/7/2016
1. NAMA		Kekal	Kekal
2. TUJUAN		Kekal	Kekal
3. TAFSIRAN		Kekal	Kekal
4. BANTUAN-BANTUAN			
4.1. Kematian (Meninggal Dunia)	RM2,000.00	Kekal	Kekal
4.2. Kematian Ibu/Bapa/Penjaga Pelajar			
4.2.1. Pelajar Semenanjung, ibu bapa di Semenanjung	RM400.00	Kekal	RM 500.00
4.2.2. Pelajar Sabah / Sarawak di Semenanjung, ibu bapa di Sabah atau Sarawak	RM400.00 Tambang kapal terbang Pergi/Balik Kelas Ekonomi	Kekal	RM 500.00
4.3. Kematian Suami/Isteri (seorang sahaja) dan anak pelajar (tanpa had)			
4.3.1. Pelajar Semenanjung, Suami / isteri / anak di Semenanjung	RM400.00	Kekal	RM 500.00
4.3.2. Pelajar di Semenanjung, Suami / isteri / Anak di Sabah atau di Sarawak	RM400.00 Tambang kapal terbang Pergi/Balik Kelas Ekonomi	Kekal	RM 500.00
4.4. Kematian ahli keluarga pelajar (abang/kakak/adik) Maksimum sekali sahaja			
4.4.1. Pelajar di Semenanjung, Keluarga di Semenanjung	RM200.00	Kekal	RM 300.00
4.4.2. Pelajar Sabah / Sarawak di Semenanjung, Keluarga di	RM200.00	Kekal	RM 300.00

Sabah atau di Sarawak	Tambang kapal terbang Pergi/Balik Kelas Ekonomi		
5. RAWATAN DI HOSPITAL 5.1. Pelajar dirawat di Hospital semasa Cuti Semester 5.2. Pelajar dirawat di Hospital semasa Semester	Pelajar dirawat di Hospital Dalam Semester atau Cuti Semester, Sumbangan RM100.00	Kekal	Pelajar yang dirawat di hospital dalam Semester atau cuti Semester, Sumbangan RM100.00 semalam (<i>Bermalam di wad : maksimum 5 hari</i>)
6. KES-KES KHAS 6.1. Akibat bencana alam atau kebakaran, banjir, kecurian dan kemalangan melibatkan penjaga pelajar serta rawatan yg tidak ditanggung oleh Skim Kesihatan Pelajar dsbnya 6.2. Kematian melibatkan dua ahli atau lebih ahli keluarga dalam satu masa 6.3. Kes Sakit Kronik/Rawatan Perubatan Pelajar/Peralatan Perubatan 6.4. Kes-kes lain dari apa yang telah dinyatakan di atas yang kemungkinan terjadi kepada pelajar	Budibicara JK TKP Tidak melebihi RM500.00 (Antara RM100.00 ke RM500.00 bergantung kepada tahap kes) Bantuan akan digandakan Tambang kapal terbang Kelas Ekonomi pergi/balik untuk seorang sahaja Budibicara JK TKP Rawatan perubatan pelajar dan diperakukan oleh pegawai perubatan Budibicara JK TKP	Budibicara Pengerusi TKP Kekal Budibicara Pengerusi Jawatankuasa TKP untuk memutuskan jumlah sumbangan yang akan ditentukan tidak melebihi RM5,000.00. Melebihi RM5,000.00 akan dibawa ke Mesyuarat JK TKP / MPU untuk kelulusan. Budibicara Pengerusi Jawatankuasa TKP untuk memutuskan jumlah sumbangan yang akan ditentukan tidak melebihi RM5,000.00. Melebihi RM5,000.00 akan dibawa ke Mesyuarat JK TKP / MPU untuk kelulusan.	Kekal Kekal Budibicara Pengerusi Jawatankuasa TKP untuk memutuskan jumlah sumbangan yang akan ditentukan tidak melebihi RM 10,000.00. Melebihi RM 10,000.00 akan dibawa ke Mesyuarat JK TKP / MPU untuk kelulusan Budibicara Pengerusi Jawatankuasa TKP untuk memutuskan jumlah sumbangan yang akan ditentukan tidak melebihi RM 10,000.00. Melebihi RM 10,000.00 akan dibawa ke Mesyuarat JK TKP / MPU untuk kelulusan

<p>7. PENTADBIRAN Ahli Jawatankuasa</p> <p>Pengerusi</p> <p>Setiausaha</p> <p>Bendahari</p> <p>Ahli-Ahli</p> <p>Kelulusan</p>	<p>TNC, HEP</p> <p>Pengarah, Unit Perhubungan Pelajar HEP</p> <p>Bendahari UKM/Wakil</p> <p>Timbalan Pendaftar HEP</p> <p>Pengarah, Pusat Kesihatan HEP</p> <p>Pengarah, Unit Rundingcara Pelajar HEP</p> <p>Permohonan tabung ini akan diluluskan setelah mendapat pengesahan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari</p>	<p>TNC, HEPA</p> <p>Ketua, Unit Kebajikan Pelajar, JPPel/mana-mana pegawai yang ditentukan oleh TNC HEPA</p> <p>Bendahari UKM/Wakil</p> <p>Timbalan Pendaftar, JPPel</p> <p>Ketua, Pusat Kesihatan, JPPel</p> <p>Ketua, Unit Kaunseling, JPPel</p> <p>Pengarah PPS/Wakil</p> <p>Seorang wakil dari PMUKM</p> <p>Permohonan tabung di hantar ke Pengerusi untuk kelulusan kemudian di hantar ke Bendahari untuk bayaran</p>	<p>Kekal</p> <p>Ketua, Unit Kebajikan Pelajar, Pusat Khidmat Siswa/mana-mana pegawai yang ditentukan oleh TNC HEPA</p> <p>Kekal</p> <p>Ketua, Hal Ehwal Pelajar & Alumni</p> <p>Ketua, Pusat Kesihatan, UKM</p> <p>Ketua, Pusat Khidmat Siswa</p> <p>Ketua, Unit Kaunseling, Pusat Khidmat Siswa</p> <p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Kekal</p>
<p>8. PERMOHONAN</p> <p>8.1. Dibuat oleh rakan pelajar/ waris (kes kematian pelajar) atau pelajar sendiri (kes-kes lain)</p> <p>8.2. Permohonan dikemukakan oleh pelajar/Warisnya bagi kes-kes Perkara 4 – 6 Di atas</p>	<p>Isi Borang 4 salinan dan hantar ke Unit Perhubungan Pelajar, HEP</p> <p>Sertakan Borang yang sempurna, salinan-salinan surat kematian, bil-bil rawatan, perubatan, laporan polis, kad pelajar dan lain-lain</p>	<p>Isi Borang 4 salinan dan hantar ke Unit Kebajikan Pelajar, JPPel</p> <p>Kekal</p>	<p>Isi Borang 2 salinan dan hantar ke Unit Kebajikan Pelajar, Pusat Khidmat Siswa</p> <p>Senarai salinan adalah spt berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kad matrik pelajar 2. Kad pengenalan pelajar/waris 3. Sijil kematian

